

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	IPT perlu yakinkan pasaran tentang keberkesanan inovasi	Utusan Malaysia
2.	Mosti sahkan pokok boleh 'cakap'	Sinar Harian
3.	PPHP platform LKIM bantu usahawan	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 31
TARIKH : 7 DISEMBER 2017 (KHAMIS)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah) menunjukkan isyarat bagus selepas melancarkan Persidangan Kejuruteraan dan Teknologi Universiti Teknikal Malaysia 2017 di Batu Ferringhi, Pulau Pinang, semalam.

IPT perlu yakinkan pasaran tentang keberkesanan inovasi

PULAU PINANG 6 Dis. - Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi menggesa semua pengkaji terutamanya Institut Pengajian Tinggi (IPT) menggunakan produk inovasi ciptaan mereka bagi tujuan meningkatkan keyakinan dan permintaan pasaran.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, negara berdepan dengan masalah pengkaji mencipta inovasi tetapi ciptaan mereka tidak digunakan meskipun mendapat geran daripada kerajaan berjumlah antara RM300,000 hingga RM500,000 menerusi MOSTI Social Innovation (MSI).

"Kementerian menyediakan geran untuk pengkaji mencipta inovasi tetapi kalau mereka sendiri tidak memanfaatkan hasil kajian itu, sebaliknya hanya asyik membuat kajian, siapa yang hendak menggunakannya?"

"Saya mahu sekurang-kurangnya universiti yang membuat kajian itu manfaatkannya di tempat mereka dahulu, con-

tohnya kalau ada inovasi sistem pembelajaran baharu, mereka gunakan dahulu barulah pihak lain yakin untuk menggunakannya selepas itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Kejuruteraan dan Teknologi Universiti Teknikal Malaysia (MUCET) 2017 yang berlangsung dua hari hingga esok dengan hampir 300 kertas kerja bertemakan 'Menerajui Inovasi dalam Kejuruteraan, Sains dan Teknologi' dibentangkan.

Persidangan kali ketujuh yang mengetengahkan enam bidang sains teknikal dan sosial itu turut dihadiri Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Prof. Datuk Dr. Zul Zahid Jamal selaku tuan rumah.

Menurut Abu Bakar, kerajaan sentiasa komited membangunkan bidang inovasi di negara ini dengan membelanjakan kira-kira RM35 juta setahun bagi pelaksanaan MSI yang menyaksikan

32 agensi di bawah kementeriannya bekerjasama dengan ratusan pengkaji di pelbagai peringkat.

Menurutnya, kementerian membelanjakan lebih RM2.86 bilion untuk melaksanakan program itu menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) manakala RMK-10 menyaksikan lebih RM1.2 bilion dibelanjakan dan RMK-11 iaitu sehingga Oktober lalu sebanyak RM110.11 juta.

"Kita berbangga apabila banyak kertas kerja diterbitkan di peringkat antarabangsa termasuk 408 buah kajian pada 2013 serta 881 kajian pada 2014 dan angka tersebut meningkat pada 2015 iaitu sebanyak 1,298 penerbitan dari negara ini mendapat tempat.

"Bagi mana-mana kajian yang ingin dikomersialkan di peringkat lebih tinggi, kerajaan turut menyediakan dana pintar (*Smart Fund*) untuk prapengkomersialan hasil kajian itu dengan memperuntukkan dana maksimum RM3 juta," jelasnya.

Mosti sahkan pokok boleh 'cakap'

Kajian dilakukan menunjukkan tanaman mampu beri tindak balas

MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

BATU FERINGGI - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) mengesahkan terdapat kajian terhadap pelbagai jenis pokok khususnya sayur-sayuran di dapati boleh 'bercakap'.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, pokok tersebut bukan sahaja boleh hidup segar menghidup seperti tumbuhan lain, malah mampu memberi tindakan balas untuk pengetahuan manusia.

"Pokok boleh bercakap ini sebenarnya hasil daripada kajian mereka yang menggunakan kaedah hidroponik iaitu kegunaan dalam air.

Abu Bakar (tengah) ketika merasmikan Muacet 2017, semalam.



"Apa yang mereka buat tak adalah teknikal sangat. Mereka gunakan wayar dan

baja, jadi disambung kepada komputer," katanya. Beliau berkata demikian.

an kepada media selepas merasmikan Persidangan Kejuruteraan dan Teknologi Universiti Teknikal Malaysia (Mucet) 2017 di Park Royal Hotel, di sini, semalam.

Menurutnya, selepas baja diletakkan pada pokok tersebut, ia boleh mengesan kekurangan yang terdapat pada pokok itu.

"Pagi-pagi, tisu itu bagi isyarat pada komputer misalnya baja kurang sebab tisu itu sudah lebih. Jadi dia maklum kepada kita sebab itu kita kata pokok itu boleh bercakap, ada sensor.

"Macam kita juga kalau ada kencing manis baru kita tahu kandungan gula lebih. Pokok juga boleh bagi tahu ba-

INFO • Tisu pada pokok akan beri respons pada komputer

• Kajian masih di peringkat makmal

hawa sudah terlebih, maknanya esok jangan bagi lagi," katanya.

Jelasnya, kajian daripada pihak yang tidak boleh didedahkan lagi itu mengambil masa sekurangnya setahun untuk menyiapkan kajian itu.

"Pokok apa pun boleh (bercakap), cuma sekarang kajian ini masih di peringkat makmal lagi. Kajian dibuat dalam negara kita.

"Melalui kajian ini sebenarnya mereka boleh mohon daripada Mosti iaitu Dana Inovasi sebab mereka baru nak cipta satu benda baru. Kita boleh berikan maksimum RM500,000," katanya.

Pada perkembangan lain, beliau menjelaskan kajian dihasilkan bukanlah berbentuk ilmiah semata-mata, tetapi lebih kepada menggabungkan kreativiti dan mewujudkan produk-produk baru.

"Di peringkat Mosti, kita sangat mengalu-alukan persidangan yang sebegitu kerana kita boleh membantu kalau ada produk-produk yang

boleh dikomersialkan.

"Salah satu yang saya tengok tadi kebanyakannya boleh bekerjasama dengan agensi kementerian yang dipanggil Mosti Sosial Inovation (MSI)," katanya.

Abu Bakar berkata, MSI adalah satu geran yang boleh diberikan di semenanjung maksimum sebanyak RM300,000, manakala di Sabah dan Sarawak pula maksimum RM500,000.

"Melalui pendekatan ini, produk yang dicipta dengan kerjasama salah satu agensi Mosti akan kita bagi kepada masyarakat untuk digunakan secara percuma supaya masyarakat dapat tahu kegunaan kajian itu dan akhirnya produk ini boleh dikomersialkan.

"Tapi kalau produk itu sudah sesuai dengan kegunaan masyarakat, mereka boleh pergi kepada peringkat seterusnya iaitu Dana Smart iaitu pra-komersial di mana kita bagi maksimum RM3 juta," katanya.

Menurutnya, sepanjang 2013, Mosti membelanjakan sebanyak RM278 juta, 2014 (RM75 juta), 2015 (RM274.5 juta), 2016 (RM47.5 juta).

"Ini adalah geran yang kita bagi, jumlah yang kita belanjakan. Bukan yang kita lulus. Maknanya ada lagi geran-geran yang masih kita bayar," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 7 DISEMBER 2017 (KHAMIS)

PPHP platform LKIM bantu usahawan

PEMBANGUNAN Pusat Pemprosesan Hasil Perikanan (PPHP) LKIM Pulau Pangkor amat signifikan dengan hasrat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengubah nasib dan taraf hidup usahawan hasilan laut di pulau berkenaan.

Pembangunan pusat tersebut adalah cerminan hasrat dan harapan kerajaan untuk melihat pengusaha khususnya Bumiputera mampu bersaing dalam industri makanan hasil laut.

Penolong Pengarah LKIM yang beroperasi di Seri Manjung Perak, **Mohd. Izmer Md Aris** berkata, pada asalnya LKIM hanya menyediakan peralatan khususnya untuk menjemur ikan kering tetapi pusat tersebut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang membantu usahawan menjalankan perusahaannya.

"Pada mulanya ada enam atau tujuh orang yang beroperasi di sini tetapi akhirnya, hanya Rasdi Ibrahim atau Pak Su yang kekal di situ.

"Pengusaha lain memilih untuk meneruskan perusahaannya di rumah masing-masing kerana beranggapan mereka hanya pengusaha kecil yang bertujuan memperoleh pendapatan sampingan sahaja," ujarnya.

Namun bagi LKIM, usahawan perlu mengambil peluang menggunakan kemudahan yang disediakan dan pelancong dapat melihat sendiri hasil tersebut diproses," ujarnya.

Katanya, penubuhan pusat tersebut adalah hasil cadangan perbincangan antara Menteri Besar Perak, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan



RASDI IBRAHIM (kiri) sentiasa mendapat khidmat nasihat daripada LKIM dengan pemantauan teliti daripada **Mohd. Izmer Md Aris** (kanan) dan **Isa Farid Isa Anshori** bermula dari peringkat awal pembabitannya dalam perusahaan makanan laut kering di Pulau Pangkor.

Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar dan bekas Pengarah LKIM Perak, Datuk M Saedon Ab Majid yang kini ketua pengarah agensi berkenaan supaya memanfaatkan kawasan tersebut yang pada asalnya adalah jeti Jabatan Taman Laut yang tidak digunakan ketika itu.

"LKIM mahu membantu usahawan lain supaya produk mereka dapat dipasarkan," ujarnya sambil memberitahu bahawa masalah utama usahawan untuk menjemur.

Dalam pada itu, Pengurus Besar PNK Pulau Pangkor, **Isa Farid Isa Anshori** berkata, pusat

tersebut mampu menampung operasi beberapa usahawan dan kemudahan yang ditawarkan sesuai dengan keperluan mereka.

"Kita mahu supaya usahawan yang beroperasi di sini mendapat kemudahan yang lengkap dengan kemudahan yang sesuai terutama solar termal (*thermal*) hasil penyelidikan **SIRM Berhad**. Kita mahu mengubah mentaliti mereka supaya keluar dari zon selesa," ujarnya.

Beliau memberitahu, penggunaan kemudahan solar termal mampu meningkatkan

hasil pengusaha dari 50 kilogram (kg) sehari kepada 500 kg kerana proses penjemuran dapat disingkatkan dari dua hari kepada kira-kira lapan jam sahaja.

Beliau juga mahu supaya usahawan yang terlibat mendapatkan sijil halal, sijil Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan Keselamatan Makanan Tanggungjawab Industri (Mesti).

Gambar NOORADZRENE MOHAMMED NOOR



INFO PPHP

- Asalnya adalah jeti Jabatan Taman Laut
- Keluasan: **3,251.6** meter persegi (**35,000** kaki persegi)
- Dibina pada **2015**
- Kemudahan bilik sejuk, jeti pendaratan ikan, tempat penyimpanan dan pengeringan (solar termal)
- Kos keseluruhan: **RM1.8 juta**

